

UM 25/1/05 27:4

70 pelajar UUM terima sumbangan zakat PIS

SINTOK 24 Jan. – Seramai 70 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima sumbangan zakat berjumlah RM7,000 daripada Pusat Islam (PIS) UUM di sini, hari ini.

Sumbangan itu disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik) UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik di majlis kenduri kesyukuran peringkat pusat pengajian itu sempena sambutan Hari Raya Aidiladha.

Dr. Razak berkata, sumbangan itu adalah daripada zakat harta, pendapatan dan emas yang diterima dari orang perseorangan dan syarikat yang dihulurkan kepada PIS untuk diagihkan kepada pelajar kurang berkemampuan.

Tambah beliau, jumlah keseluruhan zakat yang diterima pada tahun lepas ialah RM10,625.

Beliau yang mewakili Naib Can-

selor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri turut menyeru masyarakat kampus supaya membantu pelajar UUM yang kurang berkemampuan dalam apa jua bentuk bantuan selain zakat.

Sementara itu, kebanyakan pelajar yang ditemui berkata sumbangan itu sekurang-kurangnya meringankan beban mereka semasa mengikuti pengajian di kampus Sintok.

Che Amrizal Che Zamani, 23, dari Kolej Bukit Kachi 1, berkata ini adalah kali pertama dia menerima sumbangan zakat setelah tiga tahun belajar di universiti itu dan sumbangan tersebut amat bermakna bagi dirinya.

Pelajar tahun tiga program ekonomi, Muhd Hameri Husing ketika ditemui melahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada PIS kerana memilihnya untuk

menerima sumbangan tersebut.

"Ini membuktikan pihak pentadbiran universiti mengambil berat pelajar yang kurang berkemampuan dengan menyalurkan zakat tersebut," kata anak sulung dari sembilan adik beradik itu.

Bagi Noraisah Azaha yang berasal dari Pekan, Pahang pula, beliau tidak menyangka akan terpilih untuk menerima zakat itu kerana jumlah pelajar yang memohon lebih 300 orang.

"Saya sungguh terharu dengan sumbangan yang diberikan dan berjanji akan belajar bersungguh sebagai balasan kepada UUM atas keprihatinan membantu diri saya yang kurang mampu terutama dari aspek kewangan," ujarnya.

Kegembiraan itu turut dikongsi oleh Saodah Abdullah, 22, anak yatim piatu yang kematian ibu bapanya tiga tahun lalu.



DR. Abdul Halim Ahmad (dua dari kanan) diiringi oleh Pengarah Pusat Islam UUM, Muhd Diah Hamdan (kanan) beramah mesra dengan pelajar-pelajar yang menerima sumbangan zakat di majlis kenduri kesyukuran sempena sambutan Aidil Adha di UUM, Sintok semalam.